

11 JUL 2001
LEAD Likas-Calon
YONG TECK LEE DIPILIH SEBAGAI CALON BN DI LIKAS

KOTA KINABALU, 11 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee adalah calon Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Likas, demikian diumumkan oleh Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

Beliau berkata pencalonan Yong telah dipersetujui oleh Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta para pemimpin parti-parti komponen BN di Sabah.

Chong yang juga pengerusi BN Sabah membuat pengumuman itu pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat BN negeri di Putatan, dekat sini.

"Hari ini kita telah mengadakan mesyuarat rakan komponen dalam BN dan saya maklumkan calon pilihan kita. Saya telah dapat persetujuan daripada Pengerusi BN yang memberikan mandat kepada saya untuk memaklumkan bahawa calon BN ialah Datuk Yong Teck Lee," kata Chong.

Pengumuman itu disambut dengan tepukan wakil parti-parti komponen yang menghadiri mesyuarat itu.

Ditanya mengenai kemungkinan ada bantahan terhadap pencalonan Yong semasa penamaan calon esok, Chong berkata: "Pada pengetahuan kita, kita mempunyai keyakinan tinggi bahawa Yong cukup layak bertanding sebagai calon BN. Kita tidak mempunyai keraguan berhubung kelayakan beliau."

Beliau berkata BN juga bersedia menjawab sebarang bantahan dan tidak memikirkan calon alternatif.

"Kita telah bersetuju dengan pemilihan Datuk Yong. Kita berasa ketidakadilan telah dilakukan kepadanya dan dia cukup layak serta calon terbaik BN di Likas," kata Chong.

Kemungkinan Yong tidak layak bertanding berbangkit ekoran keputusan Mahkamah Pilihanraya bahawa beliau telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11 (c) dan (d) dan Seksyen 32 Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya.

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu bagaimanapun membenarkan penangguhan hukuman berkenaan, dengan itu membuka laluan kepada Yong untuk bertanding semula.

Pilihanraya kecil kawasan Likas diadakan berikutan keputusan Mahkamah Pilihanraya mengisytiharkan keputusan pilihanraya negeri Sabah pada 1999 bagi kerusi itu sebagai batal dan tidak sah setelah mendapati ada kesalahan menurut Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya serta kewujudan pengundi "hantu".

Chong yakin pengundi Likas akan terus memberikan sokongan kepada Yong seperti pada pilihanraya negeri 1999 apabila beliau menewaskan lima calon lain dengan majoriti 4,962 undi.

"Beliau adalah seorang yang berpengalaman dan sudah mewakili kawasan Likas bukan sekali dua tetapi sudah melebihi 10 tahun...beliau adalah wakil rakyat Likas," katanya.

Mengenai rayuan Yong terhadap keputusan Mahkamah Pilihanraya yang masih belum selesai di Mahkamah Rayuan, Chong berkata Yong patut diberi peluang untuk bertanding pada pilihan raya kecil itu.

"Jika dia tidak diberi peluang dan keputusan rayuan memihak kepadanya, kita akan melakukan lagi ketidakadilan kepadanya," katanya.

Ditanya mengenai sokongan kepada Yong, Chong berkata: "Saya percaya semua pemimpin BN...semua parti komponen, daripada peringkat pemimpin hingga ke bahagian, Saya yakin apabila keputusan dibuat, kita akan bersama memastikan kerja dilaksanakan."

-- BERNAMA

JS MOZ